

Mengembalikan Khalifah
Chedet.cc
30 September 2014
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Umat Islam sekarang sudah sampai ke peringkat cemas dan bahaya. Bahayanya bukan hanya kepada diri mereka tetapi kepada agama mereka. Ini adalah oleh kerana agama Islam sudah di hijack oleh pihak tertentu yang mengganti ajaran Islam sebenar dengan ajaran yang bertentangan dengan Islam. Apabila ajaran ini dikembangkan oleh pemimpin-pemimpin yang berkepentingan, ulama dan umarak enggan membantah, bahkan ada yang agak tertarik dengan ajaran-ajaran ini. Dengan sikap ini agama Islam akan menjadi lain daripada Islam yang diwahyukan kepada Nabi oleh Allah s.w.t.
2. Demikian, walaupun Al Quran dengan jelasnya melarang orang Islam membunuh, terutamanya membunuh orang yang seagama dengan mereka, tetapi kita lihat ramai orang Islam yang percaya dan sanggup secara sukarela menyertai gerakan membunuh sesama Islam sebagai jihad. Dan ramailah orang Islam yang telah dibunuh oleh orang Islam berbanding dengan yang dibunuh oleh Yahudi. Sesungguhnya mereka mengkhianati Islam dan memihak kepada Zionis.
3. Dari Malaysia juga sudah ada sukarelawan yang pergi ke Syria kerana ingin berperang, iaitu membunuh orang Islam lain. Mereka menghalalkan perbuatan mereka dengan mendakwa bahawa yang hendak dibunuh ialah orang Islam yang menganuti fahaman Syiah. Mereka berpendapat puak Syiah tidak Islam.
4. Kita tahu dalam acara pengislaman, yang diwajibkan ialah lafaz dua kalimah syahadah, iaitu “La illaha illallah Muhammadurasullallah”. Hanya dengan lafaz ini mencukupi untuk seseorang menjadi orang Islam.
5. Mereka yang dianggap bukan Islam ini bukan sahaja mengucap dua kalimah syahadah, tetapi mereka menerima dan membaca Al Quran yang sama, bersolat dengan menyebut nama Allah dan Rasulnya, menolak yang haram serta menerima yang halal, dan tidak menyekutu Allah atau menyembah berhala. Kafirkah mereka?
6. Islam mengutamakan keadilan. Untuk melaku adil pihak yang dituduh kafir perlu diberi peluang, jika tidak dibicara dengan tertib, sekurang-kurangnya untuk membela diri, untuk menentukan amalan dan kepercayaan mereka bertentangan dengan Islam atau tidak.
7. Tetapi tanpa diperiksa dan ditentukan kafir atau tidak mereka yang ditawan dibunuh dengan kejam.



8. Orang Syiah juga bersalah apabila membunuh orang Sunni tanpa diadili.

9. Hari ini ramai juga orang Islam Malaysia yang telah pergi ke Syria yang percaya mereka berjihad. Berjihadkah mereka apabila mereka melakukan kerja Yahudi dan Amerika?

10. Sekarang terdapat sekumpulan orang Sunni yang sedang berperang menawan wilayah Iraq dan Syria kononnya untuk berdiri negara Islam pimpinan Khalifah. Mereka ini melakukan tindakan ganas dengan menembak mati askar tawanan mereka dan juga untuk pancung leher seorang tawanan mereka rakyat Amerika. Kononnya mereka berjihad untuk Islam, untuk berdiri sebuah negara Islam yang diketuai oleh Khalifah. Sebenarnya apa yang dilakukan oleh mereka ialah melemahkan orang Islam supaya lebih mudah dikuasai oleh Yahudi dan Amerika.

11. Ulama dan umarak Islam di negara ini tidak dengan tegas menyatakan pendirian mereka, samada percaya tindakan ganas yang dilakukan oleh kumpulan ini adalah sebahagian dari ajaran Islam atau tidak. Ada yang dipercayai merestukan sukarelawan Malaysia pergi membunuh orang Islam yang dikatakan tidak Islam. Ada yang percaya mereka ini berjihad bila membunuh orang yang tidak sama tafsiran dan kepercayaan Islam dengan mereka walaupun orang ini menyembah Tuhan yang sama dan mengucap akan Allah yang satu dan Muhammad adalah RasulNya. Tidak ada usaha mengkaji dan membahas tuduhan kafir orang ini walaupun tuduhan ini amat berat. Tidak ada fatwa yang dibuat oleh ulama yang tidak beragenda atau berkepentingan, yang pegang hanya kepada Al Quran dan hadis yang sahih.

12. Jika fahaman seperti ini merebak di negara ini maka perpecahan di kalangan orang Islam akan jadi lebih luas daripada sekarang. Ia mungkin sampai tahap bermusuh dan bertindak ganas. Janganlah kita fikir ini tidak akan berlaku di negara bertuah ini. Ingatlah disatu masa dahulu ada diantara kita mengkafir sesama kita dan berlatih untuk mengguna senjata yang dicuri. Alhamdulillah mereka gagal. Jika kumpulan mereka ini lebih besar dan menunjuk sedikit kejayaan, akan ada yang lain yang akan menyertai puak ini.

13. Seruan berjihad mempunyai daya penarik yang amat kuat. Dalam keadaan ramai orang Islam yang cetek pengetahuan Islam, seruan ini mudah diterima. Mereka ini mudah percaya mereka mati syahid bila dibunuh.

14. Sebenarnya orang Islam yang berperang dengan orang Islam dan membunuh mereka, perbuatan mereka ini bertentangan dengan ajaran Islam bahawa orang Islam itu bersaudara. Bukankah Allah s.w.t telah berfirman dalam Al Quran bahawa jika orang Islam bermusuh dengan orang Islam, pihak lain hendaklah merelaikan mereka.

15. Samada Sunni atau Syiah, dalam pandangan orang Yahudi dan Eropah mereka semua Islam dan musuh mereka. Mereka gemar melihat kerja mereka membunuh orang Islam dipermudahkan oleh orang Islam sendiri.

16. Akan ke syurgakah orang yang ghairah membuat kerja Yahudi. Tanyalah ulama dan umarak di negara ini. Berilah kata putus kerana dalam kekecewaan dan kemarahan anak muda Islam kerana negara-negara Islam tidak bertindak menyelamatkan Islam, amat mudah mereka menyahut seruan yang boleh membawa mereka ke neraka dan tidak ke syurga.

17. Selamatkanlah agama suci Islam daripada mereka yang cuba mengubah ajarannya daripada yang mulia kepada yang hina.

8 Comments

1. *arim*

September 30, 2014 at 3:21 PM | [Permalink](#)

Dalam Al Quran adalah amat jelas perintah Allah seperti berikut:

Surah Al Baqarah (2) ayat 190: Dan perangilah kerana ugama Allah akan orang orang yang memerangi kamu, dan jangan lah kamu menceroboh; kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang orang yang menceroboh.

Orang orang yang pergi ke Syria dan Iraq untuk berperang adalah disifatkan penceroboh. Yang mereka perangi itu adalah umat Islam yang pada seketika dulu hidup dalam keadaan aman damai.

Bagi penceroboh ini Allah janjikan balasan berikut:

Surah An-Nisaa' (4) ayat 93: Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, kekal ia didalamnya, dan Allah murka kepadanya dan mela'natkannya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar.

2.  *tebing tinggi*

September 30, 2014 at 2:25 PM | [Permalink](#)

Salam Tun ,

Kapir mengapir telahpon belaku dinegara kita , Malaysia ,dan telah pon subur sekian lama dan masih menyemarak ,dek kerana perbedezan politik dan sahinga kini tiada usha untuk membendungnya. Bermula dengan lidah ,disusul dengan perbuatan ,tidakah mungkin satu hari nanti kekerasan dan keganasan akan menyusul?.

Akta demi Akta , bagi tujuan pembendongan ingin dihapuska , sebenarnya inilah langkah pertama bagi mereka-mereka , mahupon negara berkepentingan ,bagi menjayakan agenda mereka dan orang Islam sendiri sangat mudah terpadaya ,dan mencari perbezaan antara mereka bagi menentukan mereka dipuak yang mana .

Pembendongan yang paling berkesan ,bermula dari dalam negara sendiri , tetapi malangnya di Malaysia pehak pimpinan, nampaknya bagitu terdodoi dengan lagu mereka.

Adalah tidak mustahil ,pekara yang sama bolih belaku di Malaysia ,mungkin dalam kontek yang berbeza .

3.



anaki

September 30, 2014 at 1:38 PM | [Permalink](#)

Salam Tun,

Manusia memang banyak yang hypokrit, mereka cuma mengeluarkan kenyataan bila kenyataan itu adalah menguntungkan mereka diri sendiri ! Mereka akan berdiam2 sahaja walaupun masa sekarang adalah masa yang tersesuai untuk mereka membuat kenyataan dan pendirian mereka mengikut ajaran2 masing2. Saya memberikan beberapa contoh dibawah:-

1. Merokok – merosakan badan, tetapi tidak nampak mereka berjihad berhenti merokok.
2. Makan gula yang melampau – merosakan badan dan menyebabkan kencing manis, tetapi tidak nampak mereka berjihad mengurangkan makan gula.

Berjihad untuk 2 perkara diatas adalah lebih bermakna daripada membunuh manusia lain yang tidak berdosa!

<http://bit.ly/turunberat>, <http://bit.ly/kuathebat>, <http://bit.ly/khawkhaw>



4. *arim*

September 30, 2014 at 1:38 PM | [Permalink](#)

Orang Islam mengaku mereka beriman kepada Al-Qur'an. Adakah ini benar? Tidak, kerana mereka tidak ikut perintah ALLAH yang termaktub didalam Al Quran. Cuba kita lihat apa yang dilakukan oleh "Ulama" silam dan ostat ostat sekarang tentang perintah Allah dalam FirmanNya berikut:

Surah Al-Baqarah (2), 159: Sesungguhnya orang orang yang menyembunyikan apa yang telah kami turunkan dari keterangan keterangan dan petunjuk hidayah, sesudah kami menerangkannya kepada manusia didalam Kitab Suci, mereka itu dila'nat oleh Allah dan dila'nat oleh sekalian makhluk.

Kita ambil satu contoh; tentang kes zina atau rogol / liwat. Mereka berpendapat; untuk pengadilan mesti ada empat saksi dan sabit kesalahan , pesalah direjam sampai mati. Di Arab Saudi, kepala mereka dipancung.

Adakah ini mengikut perintah Allah seperti FirmanNya diatas? Tidak sama sekali. Untuk pengadilan ada empat cara. Selain dari empat saksi, dibolehkan sumpah la'nat [surah An-Nur (24) ayat 6 hingga 9], secara "forensic" [surah Yusoff (12) ayat 23 hingga 28], dan "replay the scene of the crime" seperti "CCTV recording" [Surah Al_Baqarah (2), Ayat 72 hingga 73]. Hukumannya ialah disebut seratus kali tanpa belas kasihan [surah An-Nur (24) , Ayat 2], jika tiada sumpah la'nat dilakukan.

Dengan perbuatan mereka seperti yang tersebut diatas, mereka dengan terang terang telah kufur kepada perintah Allah yang tersebut diatas,dan juga kepada kedua dua Firman Allah yang berikut, kerana mereka tidak yakin pada ayat (6,115) dan melanggar perintah(6,116):

Al-An'aam (6) , 115 : Dan telah sempurnalah Kalimah Tuhanmu dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatu pun dari Kalimah KalimahNya; dan Dialah yang sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Mengetahui.

Al-An'aam (6) , 116 : Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada dimuka bumi, nescaya mereka akan menyesatkan mu dari jalan Allah; tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata mata, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta.

Tidak lama dahulu, Khatib telah menyampaikan kutbah Jumaat tentang menimba ilmu ugama di salah satu mesjid Negeri. Untuk mendapat ilmu , mestilah diperolehi dari para ulama, kata beliau. Untuk mengukuhkan dalilnya, ia sebut ayat (6,116.) Sungguh zalim ostat ostat yang menulis dan meluluskan skrip itu, kerana Ayat (6,115) dan (6,116) tidak boleh dipisahkan.

Nampak benar mereka ini berkepentingan.

Golongan mereka ini adalah seperti yang disebut Allah dalam FirmanNya berikut:

Al -Ghafir (40), 56 : Sesungguhnya orang-orang yang membantah mengenai maksud ayat-ayat Tuhanmu dengan tidak berdasarkan sebarang bukti yang sampai kepada mereka, tidak ada dalam dada mereka melainkan perasaan mahukan kebesaran, kemahuan yang mereka tidak sekali-kali akan dapat mencapainya. Oleh itu mintalah perlindungan kepada Allah; sesungguhnya Dialah Jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.

Kebanyakan orang di Malaysia berfahaman mazhab Shafie. Semua Ostad-Ostad yang bertaualiah semua berpegang pada fahaman tersebut. Kalau kita berbeza dari mereka, mereka akan tanya kita mazhab apa yang kita pegang.

Selain itu dalam dunia Islam ini ada fahaman yang lain seperti Maliki, Hanafi, Hambali, Wahabi, Sufi, salafi, Shiah dan berbagai-bagai tarikat. Masing-masing kumpulan berbangga dengan fahaman mereka. Dan masing-masing mengatakan fahaman merekalah yang benar-benar Islam, dengan dalil masing-masing.

Perbezaan fahaman mengakibatkan pertelingkahan, pembunuhan dan perpecahan ummah. Maka adakah ini yang dikehendaki oleh Allah? Jauh sekali. Apa yang dikehendaki oleh Allah adalah dalam FirmanNya berikut:

Ar-Ruum (30),30: Maka hadapkanlah dirimu ke arah agama yang jauh dari kesesatan; “agama Al’lah” – iaitu agama yang Al’lah menciptakan manusia untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Al’lah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Ar-Ruum (30),31: Hendaklah kamu sentiasa rujuk kembali kepada Allah serta bertaqwalah kamu kepadaNya; dan kerjakanlah sembahyang dengan betul sempurna; dan janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan orang musyrik.

Ar-Ruum (30),32: Iaitu orang-orang yang menjadikan fahaman agama mereka berselisihan mengikut kecenderongan masing-masing serta mereka pula menjadi berpuak-puak; tiap-tiap puak bergembira dengan apa yang ada padanya.

Perpecahan ini yang akan berlaku selepas Nabi telah diwahikan kepada Nabi dalam Firman FirmanNya yang berikut:

Al-An’aam (6), 159 : Bahawasanya orang-orang yang menceraikan beraikan agama mereka, dan mereka menjadi berpuak-puak, tiadalah engkau terkait sedikitpun dalam mereka. Sesungguhnya perkara mereka hanya terserah kepada Allah. Kemudian Ia akan menerangkan kepada mereka apa yang telah mereka lakukan.

Al-Mu’minun (23),52: Dan sesungguhnya agama Islam ini ialah agama kamu – agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka bertaqwalah kamu kepadaKu.

Al-Mu’minun (23),53: Kemudian umat Rasul-Rasul itu berpecahbelah dalam urusan agama mereka kepada beberapa pecahan, tiap-tiap golongan bergembira dengan apa yang ada pada mereka.

Al –Mu’minun (23),54: Maka biarkanlah mereka tenggelam dalam kesesatannya itu hingga kesuatu masa.

Apa yang terjadi pada orang Islam sekarang adalah dari perselisihan pendapat Ulama Ulama yang terdahulu , seperti diterangkan Allah dalam Al Quran berikut:

Asy-Syura (42), 14: Dan umat tiap tiap Rasul tidak berpecahbelah dan berselisihan melainkan setelah sampai kepada mereka ajaran ajaran yang memberi mereka mengetahui; berlakunya semata mata kerana hasad dengki sesama sendiri. Dan kalaulah tidak kerana telah terdahulu kalimah ketetapan dari Tuhanmu hingga kesuatu masa yang tertentu, tentulah dijatuhkan hukuman azab dengan serta merta kepada mereka. Dan sesungguhnya orang orang yang diberikan Allah mewarisi Kitab ugama kemudian daripada mereka, berada dalam keadaan syak yang menggelisahkan terhadap Kitab itu.

Satu lagi contoh, Ulama yang silam telah memutuskan bahawa sembahyang boleh dijamak, iaitu dibuat dalam satu waktu bagi dua waktu sembahyang . Mereka berpandukan kepada hadis hadis yang mereka pegang, kata mereka. Adakah hadis hadis ini benar,? Apa yang mereka putuskan itu bertentangan dengan Perintah Perintah Allah didalam Al Qur’an.

Allah memerintah kita sembahyang pada tiap tiap waktu walau dalam keadaan sekali apa pun [surah Al-Baqarah (2) ayat 238 hingga 239]. Lepas itu Allah terangkan cara sembahyang dalam masa keadaan sulit sekali, iaitu dalam masa peperangan [surah An-Nisaa (4) ayat 101 hingga 103].

Firman Allah yang berikut adalah ancaman kepada perbuatan seperti mereka yang tersebut: Asy-Syura (42), 21: Patutkah mereka mempunyai sekutu sekutu yang menentukan – mana mana bahagian dari ugama mereka – sebarang undang undang yang tidak diizinkan oleh Allah? Dan kalaulah tidak kerana kalimah ketetapan yang menjadi pemutus, tentulah dijatuhkan azab dengan serta merta kepada mereka. Dan sesungguhnya orang orang yang zalim itu akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya

Berikut adalah ancaman Al’lah kepada orang orang yang tidak meyakini ayat ayat dalam Al Qur’an.

An-Naml (27), 82: Dan apabila sampai masa berlakunya hukuman atas manusia, Kami keluarkan untuk mereka sejenis binatang dari bumi, yang akan menyatakan kepada mereka, bahawa manusia telah tidak meyaqini ayat ayat keterangan dan pengajaran Kami.

An-Naml (27), 83: Dan hari Kami himpulkan dari tiap tiap umat sekumpulan besar orang orang yang mendustakan ayat ayat keterangan Kami, lalu mereka dijaga serta diatur keadaan dan perjalanan masing masing.

An-Naml (27), 84: Sehingga apabila mereka datang, Allah Ta’ala berfiman: “ Adakah kamu mendustakan ayat ayat keteranganKu dengan tidak lebih dahulu kamu mengetahuinya secara meliputi? Atau apakah yang telah kamu lakukan?”

An-Naml (27), 85: Dan jatuhlah hukuman atas mereka disebabkan kezaliman mereka, lalu mereka diam membisu.

Berikut adalah gambaran oleh Al’lah orang orang yang tidak mengikut perintah perintah

didalam Al Qur'an. Mereka percaya kepada ulamak ulamak dan Ostad ostad disebabkan mereka tidak faham isi kandungan Al Qur'an. Mereka juga diberitahu oleh ostad Ostad bahawa orang biasa yang hendak menuntut ilmu ugama mestilah berguru dengan ulamak ulamak, kalau tidak Syaitan akan menjadi guru mereka. Dan juga mereka diberitahu bahawa kandungan Al Qur'an memerlukan huraian oleh Ostad Ostad, kalau tidak ianya tidak mencukupi.

Al-Furqaan (25), 27 : Dan perihal hari orang orang yang zalim menggigit kedua dua tangannya sambil berkata: “ Alangkah baiknya kalau aku mengambil jalan yang benar bersama sama Rasul.”

Al-Furqaan (25), 28 : “ Wahai celaknya aku, alangkah baiknya kalau aku tidak mengambil si anu itu menjadi sahabat karib.”

Al-Furqaan (25), 29 : “ Sesungguhnya dia telah menyesatkan daku dari jalan peringatan setelah ia disampaikan kepada ku. Dan adalah Syaitan itu sentiasa mengecewakan manusia.”

Al-Furqaan (25), 30 : dan berkatalah Rasul: “ Wahai Tuhan ku , sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Qur'an ini satu perlembagaan yang ditinggalkan, tidak dipakai.”

Firman Firman Al'lah berikut menjanjikan keseksaan didunia bagi orang orang yang melanggar perintahNya. Kalau kita kaji , memang banyak pendahwah, tok guru dan ostad yang ternama belaka diMalaysia ini menghadapi masa'alah kesihatan. Ada terbaring bagitu lama sampai mati, ada yang bergantung pada hospital dan ada juga yang bertahun tahun dalam keadaan coma sampai mati.

Asy-Syura (42), 30: Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan, maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan; dan Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa dosa kamu.

An-Nisaa' (4), 111 : Dan sesiapa yang mengerjakan sesuatu dosa maka sesungguhnya ia hanya mengerjakannya untuk menimpa dirinya sendiri. Dan Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

An-Nisaa' (4), 147 : Apa gunanya Allah menyeksa kamu sekiranya kamu bersyukur serta kamu beriman? Dan Allah sentiasa Membalas dengan sebaik baiknya, lagi Maha Mengetahui.

As-Sajdah (32), 21 : Dan demi sesungguhnya, Kami akan merasakan mereka sedikit dari azab dunia sebelum azab yang besar, supaya mereka ruju' kembali bertaubat.

Al-Jaathiyah (45), 11 : Al Quran ini ialah hidayah pertunjuk yang cukup lengkap; dan orang orang yang kufur ingkar akan ayat ayat penerangan Tuhannya, mereka akan beroleh azab dari jenis azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Semua ahli ahli ugama yang dimaksudkan mahir dalam bahasa Arab. Kenapa mereka tidak peka pada firman firman Al'lah didalam Al Quran yang tersebut diatas. Apa yang sedia maklum mereka ini taksub pada ajaran Ahli Sunnah wal jamaah yang berpanduan pada hadis dan kitab kitab yang ditulis oleh manusia. Kalau kita bincang tentang isi kandungan Al Quran, mereka akan menempelak kita. Bertepatanlah Firman Al'lah berikut bagi orang orang seperti mereka ini. Al-Kahfi (18), 57 : Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang diberi ingat dengan ayat ayat Tuhannya, lalu ia berpaling daripadanya dan lupa akan apa yang telah dilakukan oleh

kadua tangannya; sesungguhnya kami jadikan tutupan berlapis lapis atas hati mereka, menghalang mereka daripada memahaminya, dan pada telinga mereka penyumbat. Dan jika engkau menyeru mereka kepada petunjuk, maka dengan keadaan mereka yang demikian, mereka tidak sekali kali akan beroleh hidayah petunjuk selama lamanya.

Ancaman kepada orang-orang yang tidak yakin kepada Al Quran seperti berikut:
Al-A'raaf (7), 40 : Sesungguhnya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan yang angkuh daripada mematuhi-Nya, tidak sekali kali akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan mereka tidak akan masuk Syurga sehingga unta masuk dilubang jarum. Dan demikianlah Kami membalas orang-orang yang melakukan kesalahan.



5. [kalam putih](#)

September 30, 2014 at 1:11 PM | [Permalink](#)

Amerika sangat kenal Negara Khilafah yang diinginkan oleh umat Islam. Amerika juga sangat tahu apa akan jadi kepada kedudukannya serta masa depannya jika Negara Khilafah berjaya didirikan di bumi Syria atau di mana-mana negeri umat Islam yang lain.

Oleh itu, Amerika akan menggunakan segala keupayaan dan kepakaran yang dimilikinya bagi mengatur strategi dan perancangan untuk menghalang tertegaknya semula Negara Khilafah.

Apatah lagi, dalam situasi ini Amerika dibantu oleh kuasa-kuasa barat yang lain khususnya Russia, Perancis dan Britain yang juga tidak ingin negara Khilafah berjaya didirikan semula.

Arikel Penuh :

<http://kalamputihmenuliss.blogspot.com/2014/02/syrian-uprising-kenali-amerika-dan.html>



6. [kalam putih](#)

September 30, 2014 at 1:11 PM | [Permalink](#)

Amerika sangat kenal Negara Khilafah yang diinginkan oleh umat Islam. Amerika juga sangat tahu apa akan jadi kepada kedudukannya serta masa depannya jika Negara Khilafah berjaya didirikan di bumi Syria atau di mana-mana negeri umat Islam yang lain.

Oleh itu, Amerika akan menggunakan segala keupayaan dan kepakaran yang dimilikinya bagi mengatur strategi dan perancangan untuk menghalang tertegaknya semula Negara Khilafah.

Apatah lagi, dalam situasi ini Amerika dibantu oleh kuasa-kuasa barat yang lain khususnya Russia, Perancis dan Britain yang juga tidak ingin negara Khilafah berjaya didirikan semula.
Arikel Penuh :

<http://kalamputihmenuliss.blogspot.com/2014/02/syrian-uprising-kenali-amerika-dan.html>



7. **Merah**

September 30, 2014 at 12:22 PM | [Permalink](#)

Melayu mudah lupa



8. **RD.**

September 30, 2014 at 11:30 AM | [Permalink](#)

Salam Tun Dr.M.

Saya amat setuju pandangan Tun.

Orang Agama, baik di pihak UMNO atau PAS, mesti nyatakan dengan tegas, pendirian mereka mengenai apa yang Tun bangkitkan. Harap 'Orang Agama' dapat kekuatan/keberanian selepas Tun lontarkan pandangan yang amat bernas ini.

Saya juga, sama-sekali tidak setuju umat Islam berbunuhan sesama sendiri.

Yang paling saya risau, di FB sudah ada mereka yang terpedaya oleh seruan untuk 'mati syahid' ini. Mereka mengkafirkan Syiah. Mereka mengagungkan 'syuhada', terutama rakyat Malaysia yang 'mati katak' di Syria. Kagum dan teruja lihat mayat tersenyum. Mahu nikmat 70 ke apa, bidadari suci di syurga. Bila saya pautkan blog Tun untuk mereka fahami persengketaan ini, mereka mengeluh tak faham Bahasa Inggeris. Mereka seolah-olah megah dan bangga jika terkorban. Dosa silam, semua terhapus. Nampaknya, keinginan untuk 'mati syahid' @ masuk 'Syurga bulat-bulat' amat mereka dambakan.

Pada saya, fahaman sebegini amat bahaya dan memundurkan Islam.

Bila saya katakan: Kalau semuanya yang pergi berjuang, beriya-iyanya nak mati Syahid, bagaimana nak menang berperang atas nama Islam. Mana ada orang mati menang bila bergaduh. Kalau nak menang, mesti hidup untuk meraikannya.

Terus saya di block.

Source: <http://chedet.cc/?p=1487>